

Usaha basmi kemiskinan kekal

KUALA LUMPUR, Selasa — Pelan perspektif dasar ekonomi yang dijadualkan dibentangkan di Parlimen Jun ini masih menekankan kepada usaha membasmi kemiskinan dan mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, beliau memberi jaminan dasar-dasar dalam pelan perspektif itu akan diterapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

“Usaha untuk mengimbang kedudukan ekonomi antara kaum dan pembasmian kemiskinan masih menjadi tumpuan utama kerajaan.

“Oleh itu, pelan perspektif berkenaan akan terus menekankan usaha mencapai kedua-dua matlamat berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan ‘Seminar Labuan - Pusat Kewangan Luar Persekitaran’, anjuran bersama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Institut Akauntan Malaysia dan Institut Insuran Malaysia, di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pelan perspektif itu masih di peringkat kajian dan akan disiapkan tidak lama lagi.

Katanya, pelan perspektif itu akan mengambil kira semua cadangan termasuk yang dikemukakan oleh Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN), Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan dewan-dewan perniagaan di negara ini.

“Selain menilai cadangan berkenaan, kerajaan juga memperolehi maklumat daripada kajian berasinganya mengenai pelan perspektif dasar ekonomi negara.

“Kerajaan menerima pelbagai cadangan mengenai had tempoh bagi pelaksanaan pelan perspektif berkenaan. Ada yang mencadangkan ia dihadkan kepada 10 tahun hingga 20 tahun.

“Pada masa yang sama, ada juga yang mahu supaya tidak ada batas waktu bagi perlaksananya. Setakat ini, kami masih belum menentukan tempoh pelaksanaan pelan perspektif itu,” katanya.